



KUALA LUMPUR 20 April - Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) perlu sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan dan peka dengan apa yang berlaku di dalam dan luar negara sejajar dengan pembangunan negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Suriani Ahmad berkata PTD juga perlu diberi pendedahan menghadiri mesyuarat di peringkat antarabangsa agar mereka mendapat pendedahan mengenai dasar-dasar luar negara untuk dijadikan panduan dalam tugas mereka.

"PTD hendaklah sentiasa melengkapkan diri mereka dengan maklumat. Pengetahuan ini bukan setakat dalam buku sahaja, ia lebih kepada interaksi dengan orang awam, rakyat serta rakan-rakan setugas mereka di dalam dan luar negara.

"Mereka mesti sentiasa dalam keadaan mempelajari sesuatu yang baharu kerana kita (Malaysia) negara yang semakin cepat membangun, jadi PTD mesti sentiasa seiring dengan pembangunan, mesti sentiasa sensitif dengan apa yang berlaku di persekitaran," katanya selepas memberikan 'Executive Talk' pada program Apresiasi PTD Wanita Sempena Tahun Memperkasakan Wanita 2018.

Beliau berkata peratusan wanita yang melibatkan diri dalam dunia pekerjaan meningkat dari tahun ke tahun dan negara berjaya melepasi sasaran untuk mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus golongan wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam. "Wanita seharusnya diberi peluang dilantik ke suatu jawatan penting di sesebuah organisasi kerana kepakaran, kompetensi dan merit mereka dan bukannya atas faktor mengisi kuota semata-mata," kata Suriani.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal PTD Wanita, Persatuan PTD Malaysia Datuk Roosme Hamzah berkata program hari ini bertujuan untuk menyatukan semua PTD wanita dari pelbagai kementerian dan jabatan bagi memperluaskan jaringan serta saling membantu antara satu sama lain.

Beliau yang juga Setiausaha Dewan Rakyat berkata usaha kerajaan memberikan latihan kemahiran serta insentif seperti lanjutan cuti bersalin dapat meningkatkan kredibiliti kaum wanita selain meringankan beban golongan itu dalam menguruskan keluarga dan kerjaya. - BERNAMA